

12/02/1999

Pengerusi kemukakan resolusi

MONTEGO BAY (Jamaica), Khamis - Kumpulan 15 Negara Kumpulan (G15) perlu berusaha menyeimbangkan pengaruh negara membangun dengan negara maju bagi memastikan globalisasi tidak menyebabkan keruntuhan ekonomi dunia.

Perdana Menteri Jamaica, PJ Patterson selaku pengerusi sidang kemuncak G15 di sini berkata, usaha itu perlu kerana sehingga kini belum ada sebarang mekanisme untuk memastikan keseimbangan itu.

Sehubungan itu, beliau mengemukakan satu inisiatif khas berupa resolusi yang boleh diambil oleh negara G15 bagi menangani masalah itu dikenali sebagai 'Persepakatan Jamaica'.

"Menerusi resolusi ini, kita boleh menggunakan kuasa yang ada pada G15 untuk berkongsi pengalaman dan pendapat ke arah mencari penyelesaian terhadap masalah semasa.

"Langkah ini perlu demi kepentingan negara maju dan membangun," katanya ketika merasmikan Sidang Kemuncak G15, yang bermula hari ini.

Lapan ketua negara dan tiga timbalan ketua negara hadir dalam sidang kemuncak kali ini, manakala anggota yang lain diwakili Menteri Luar dan Menteri Ekonomi masing-masing.

Malaysia diwakili Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut berada di sini ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Patterson berkata, berikutan globalisasi mendedahkan pelbagai risiko kepada negara membangun, usaha menyeimbangkan pengaruh kuasa besar itu perlu dilaksanakan segera.

"Hari ini, kita dapat melihat betapa jurang kemiskinan sejagat semakin melebar manakala kesaksamaan antara negara maju dengan membangun pula jauh daripada berlaku walaupun ekonomi dunia sudah saling berhubung kait," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri Venezuela, Hugo Chavez Frias, yang turut berucap, mengakui perlunya negara dunia ketiga semakin memainkan peranan mereka dalam percaturan dunia hari ini.

Menurutnya, globalisasi sepatutnya memberi peluang kepada negara membangun untuk turut memberi input terhadap sebarang langkah yang akan diambil bagi menentukan hala tuju dunia.

Oleh itu, beliau mahu supaya negara G15 lebih komited dan bertumpu kepada pelbagai isu tertentu bagi memastikan kepentingan mereka tidak diketepikan pada masa depan.

Beliau juga mengalu-alukan kemasukan Sri Lanka sebagai anggota ke-17 forum itu selepas diterima oleh mesyuarat menteri luar G15 tahun ini.

(END)